

01 DEC 1997

Anwar-Keutamaan

KEUTAMAAN PERLU DIKAJI SEMULA DEMI MASA DEPAN RANTAU

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata, prospek masa depan pertumbuhan berkekalan rantau ini memerlukan negara-negara mengkaji semula keutamaan mereka.

Beliau berkata, pertumbuhan masa depan merupakan elemen asas dalam mengembalikan semula keyakinan dalam ekonomi rantau ini.

"Kestabilan pertumbuhan tidak boleh dijamin tanpa disusuli pertumbuhan dalam kecekapan dan ketelusan dalam sistem kewangan," katanya dalam ucapan pembukaan Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean Campur Enam dan Persidangan Mengenai Inisiatif Kewangan Bagi Abad ke 21 di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan mesyuarat dan persidangan itu yang dihadiri oleh Menteri-menteri Kewangan negara-negara anggota Asean serta enam lagi negara -- Jepun, Korea Selatan, Australia, Amerika Syarikat, China dan Hong Kong.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, isu-isu itu sedang ditangani dengan bersungguh-sungguh oleh Asean dan dalam usaha itu Malaysia sendiri telah mengambil pelbagai inisiatif termasuk langkah-langkah memperkukuhkan sektor bank, memperlambatkan pertumbuhan kredit dan mengenakan disiplin yang lebih ketat dalam pasaran kewangan.

"Lebih-lebih lagi kita telah menunda projek-projek infrastruktur raksaksa dan menjadualkan semula projek yang telahpun kita memberi komitmen tidak termasuk pengurangan dalam perbelanjaan kerajaan yang bermula lebih lima tahun lepas," kata beliau.

Anwar berkata, Asean yang komited dalam peliberalan yang lebih lagi di pasaran kewangan sedang melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan ketelusan dan menstabilkan standard pendedahan di sektor perbankan dan kewangan.

Beliau berkata, perkumpulan itu juga akan meneliti objektif yang lebih luas dalam meningkatkan standard dan pendedahan yang diperlukan dan dalam hal ini, adalah diperakui perlunya dikaitkan dengan usaha-usaha Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan agensi-agensi multilateral lain.

Mengenai peranan mereka yang berurusniaga mata wang dan aktiviti spekulatif keterlaluan mereka, Anwar berkata keazaman antarabangsa perlu untuk menangani perkara itu.

"Kita kemudian boleh menjinakkan kuasa-kuasa ini, yang berpotensi untuk menjejaskan kestabilan dan menggugat sistem kewangan sedunia. Dengan keazaman seperti itu, kuasa-kuasa ini boleh ditukar kepada tenaga yang berguna untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi sedunia dan kemakmuran," kata beliau.

Beliau berkata, keazaman itu perlu bermula dengan Asean mempertingkatkan usaha bersama untuk mengembalikan keadaan dan keyakinan dalam pasaran modal dan kewangan.

Anwar berkata, mesyuarat tiga hari Menteri-menteri Kewangan Asean dan Asean Campur Enam diadakan untuk menggerakkan kerjasama serantau untuk mengembalikan keyakinan dalam ekonomi serantau.

"Langkah pertama dalam arah ini ialah memperkukuhkan kerjasama serantau kerana dengan bertindak secara bersama sahaja kita mempunyai kapasiti untuk memberi respon terhadap kuasa-kuasa yang menjejaskan kestabilan dan menggugat seluruh dunia - sama ada di dalam ataupun di luar - dan mengelakkan perubahan sentimen pelabur daripada merebak," kata beliau.

Persidangan Inisiatif Kewangan itu dianjurkan oleh Forum Perniagaan Asean.

-- BERNAMA
RAZ PR